



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	7/1/2020	MUKA SURAT	:	38
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Kanak-kanak parah digigit kera stabil

PERHILITAN berjaya tangkap haiwan liar serang mangsa di kedai makan

Oleh Mohamad Azim Fitri
Abd Aziz
bhnews@bh.com.my

Rompin: Kanak-kanak lelaki yang parah kedua-dua kakinya, selain cedera kepala dan belakang badan selepas diserang kera di kedai makan di Lebuhraya Muadzam Shah, di sini pada Khamis lalu, dilaporkan dalam keadaan stabil.

Ketua Polis Daerah Rompin, Deputy Superintendan Azari Mis-kun, berkata mangsa berusia tiga tahun itu kini dirawat di Hospital Segamat.

"Kejadian juga sudah dimaklumkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) yang kemudian berjaya mengesan dan menangkap haiwan itu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam kejadian jam 3.30 petang Khamis lalu, Syed Nur Akif Rizqi Syed Ahmad, dikatakan digigit



Syed Nur Akif Rizqi diserang kera di kedai makan Lebuhraya Muadzam Shah, Rompin, Khamis lalu. (Foto ihsan pembaca)

haiwan itu ketika menonton video pada telefon bimbit ibunya yang sedang mengambil makanan sebelum mendengar jeritan mangsa dan terus menghalau kera terbabit.

Azari berkata, berdasarkan laporan diterima, kanak-kanak itu digigit seekor kera yang sering berkeliaran di kawasan kedai makan berkenaan.

Sementara itu, Pengarah PERHILITAN Pahang, Rozidan Md Yasin, berkata kera itu berjaya ditangkap pada Jumaat lalu.

Beliau turut menasihatkan orang ramai agar lebih berwas-

pada dengan tidak memberi makanan kepada kera.

"Tabiat memberi makanan kepada kera menjadikan haiwan itu bergantung kepada manusia. Jika terdapat halangan untuk mendapatkan makanan, kera berpotensi untuk merampas dan mencederakan orang yang menghalang.

"Yang kerap menjadi sasaran serangan kera adalah kanak-kanak. Saya minta ibu bapa atau orang yang lebih dewasa mengawasi anak mereka dan elak berada di kawasan yang ada kehadiran kera," katanya.